

SULIT



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

## MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3 2021

TINGKATAN LIMA

PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

November

2  $\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian jawapan hendaklah diikat dan dihantar kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **6** halaman bercetak.

*Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Firman Allah SWT :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ يَبْيَنُّكُمْ بِالْبَطْلِ وَتَذَلُّوا بِهَا إِلَى الْحَكَامِ إِنَّكُلُوا فَرِيقًا مِنْ  
أَمْوَالِ النَّاسِ يَأْلِمُهُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾  
(Surah al-Baqarah: ayat 188)

Ayat ini menegaskan larangan memakan harta dengan cara yang batil.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud rasuah. [2 markah]  
(ii) Jelaskan dua kesan perbuatan rasuah. [2 markah]  
(iii) Terangkan dua pengajaran ayat. [4 markah]

(b) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris.  
Anda dikehendaki menulis nombor soalan dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja.

	Potongan ayat al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
(i)	<u>لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ</u>	Mad Silah Qasirah	Mad Silah Tawilah
(ii)	وَلَا الْأَصْلَحُونَ	Mad Lazim Kalimi Musaqqal	Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf

- (c) Sabda Rasulullah SAW:

**كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ**  
**وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالْمَوْأَةُ رَاعِيَّةٌ فِي بَيْتِ زَوْجَهَا وَمَسْئُولَةُ عَنْ رَعِيَّتِهَا ، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ**  
**سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَيْهِ وَمَسْئُولٌ**  
**عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ .**  
**(رواية البخاري)**

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab dan amanah yang perlu ditunaikan sebaik mungkin.

Berdasarkan hadis di atas

- (i) Senaraikan dua individu tersebut selain daripada suami dan pekerja. [2 markah]

(ii) Nyatakan maksud kalimah hadis yang bergaris. [2 markah]

(iii) Terangkan pengajaran yang dapat diambil daripada hadis. [2 markah]

**PECAH AMANAH : KETUA PEKERJA RESTORAN  
DIPENJARA SETAHUN, DENDA RM500**

KUALA LUMPUR: Seorang ketua pekerja sebuah restoran dijatuhi hukuman penjara setahun dan denda RM500 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah melakukan pecah amanah wang milik majikannya berjumlah RM5,143.30.

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian Online, 16 Julai 2020

- (iv) Petikan berita di atas menggambarkan pelaksanaan tanggungjawab seorang pekerja yang menyalahi syariat Islam.  
Mengapa situasi ini boleh berlaku? Bincangkan. *[4 markah]*

2 (a) Al-Syahid dan al-Jabbar merupakan nama-nama Allah SWT yang indah.

- (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Syahid. *[2 markah]*  
(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. *[2 markah]*  
(iii) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Jabbar. *[2 markah]*

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Serta diperintahkan aku taat dan berbuat baik kepada ibuku dan dia tidak menjadikan aku takbur, sompong dan derhaka”

(Surah Maryam : ayat 32)

- (iv) Berdasarkan maksud firman Allah SWT di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku terhadap kehidupan masyarakat sekiranya tiada kefahaman berkaitan Allah SWT bersifat al-Jabbar. *[4 markah]*

(b) Iman seseorang boleh terbatil melalui iktikad, perkataan dan perbuatan.

- (i) Nyatakan **dua** contoh perkataan yang membatalkan iman. *[2 markah]*  
(ii) Jelaskan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman terhadap individu. *[2 markah]*

(c) Ahli Sunah Waljamaah adalah kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi'tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak.


- (i) Nyatakan **dua** aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah. *[2 markah]*  
(ii) Terangkan pandangan Ahli Sunah Waljamaah berkaitan isu berikut :  
(a) Melihat Allah SWT  
(b) Pelaku dosa besar *[4 markah]*

- 3 (a) Amalan solat sunat Istikharah merupakan antara solat sunat yang sentiasa diamalkan oleh Rasulullah SAW.
- (i) Nyatakan maksud solat sunat Istikharah. [2 markah]
- (ii) Terangkan hikmah solat sunat Istikharah. [2 markah]
- (b) Akikah ialah menyembelih binatang ternakan al-an'am sempena kelahiran bayi.
- (i) Nyatakan **dua** binatang ternakan (al-an'am) yang disyariatkan akikah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perkara sunat akikah. [2 markah]
- (c) Antara jenis akad ialah pertukaran, kebajikan, perkongsian, agen dan jaminan. Nyatakan **dua** jenis akad dalam muamalah Islam dari aspek kebajikan. [2 markah]
- (d) Wasiat dan faraid merupakan aspek pengurusan harta selepas kematian.
- (i) Senaraikan **dua** rukun wasiat selain harta yang diwasiatkan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat sah harta yang diwasiatkan. [2 markah]
- (iii) Huraikan pandangan anda berdasarkan situasi di atas. [4 markah]
- (e) Salah satu kesalahan jenayah yang dikenakan hukuman hudud ialah merompak. Jelaskan hukuman hudud bagi kategori merompak di bawah :
- (i) berlaku rampasan harta dan berlaku pembunuhan. [1 markah]
- (ii) berlaku rampasan harta tetapi tidak berlaku pembunuhan. [1 markah]

Encik Osman mempunyai seorang anak angkat bernama Luqman. Oleh kerana beliau tidak mempunyai anak kandung, beliau sangat sayangkan Luqman dan telah mewasiatkan seluruh hartanya kepada anak angkatnya itu.

- 4 (a) Kerajaan Khulafa al-Rasyidin telah mencapai banyak kejayaan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.
- (i) Senaraikan **dua** orang khalifah yang menerajui kerajaan Khulafa al-Rasyidin. **[2 markah]**
- Kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat merupakan fokus utama seseorang pemimpin apabila dipilih untuk menerajui sesebuah negara.
- (ii) Huraikan pendapat anda bagaimana mencontohi kepimpinan Khulafa al-Rasyidin ke arah membentuk negara yang maju dan sejahtera. **[4 markah]**
- (b) Pemerintah pertama kerajaan Uthmaniyah ialah Sultan Uthman bin Ertughul.
- (i) Jelaskan **dua** sumbangan yang diberikan oleh Sultan Uthman bin Ertughul. **[2 markah]**
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah. **[2 markah]**
- (c) Tokoh-tokoh empat mazhab adalah antara tokoh ilmuan terkenal dalam dunia Islam.
- (i) Nyatakan nama penuh Imam Abu Hanifah. **[1 markah]**
- (ii) Senaraikan **dua** hasil karya Imam Ahmad bin Hanbal yang terkenal. **[2 markah]**
- (iii) Jelaskan bukti kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu. **[2 markah]**
- (d) Hassan al-Banna dan Ahmad bin Ibrahim adalah tokoh ulama Islam yang terkenal.
- (i) Apakah jawatan yang disandang oleh Hassan al-Banna? **[1 markah]**
- (ii) Jelaskan ketinggian akhlak tokoh Ahmad bin Ibrahim. **[2 markah]**
- (ii) Huraikan iktibar daripada keunggulan tokoh-tokoh di atas. **[2 markah]**

- 5 (a) Wasatiyyah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
- Nyatakan maksud keadilan dalam wasatiyyah. *[2 markah]*
  - Jelaskan **dua** aspek keadilan tersebut. *[2 markah]*



- (iii) Berdasarkan gambar di atas cadangkan langkah untuk mengatasi pembaziran. Bincangkan. *[4 markah]*

- (b) Allah SWT berfirman dalam surah Hud ayat 112 :

**فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ**

Maksud : Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu.....

- Jelaskan **dua** contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. *[2 markah]*
- Terangkan **dua** cara memiliki sifat istiqamah dalam kehidupan seorang muslim. *[4 markah]*

- (c) Mazmumah ialah sifat dan tingkah laku keji yang berlawanan dengan syarak.

- Jelaskan **dua** kesan mengamalkan sifat mazmumah. *[2 markah]*

"Bersahabat dengan orang yang berilmu dan berakhhlak mulia dapat menghindarkan seseorang dari melakukan larangan Allah SWT."

- Kemukakan pandangan anda untuk menyokong pernyataan di atas. *[4 markah]*

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**